

# Doa PM untuk rakyat Malaysia

UM - 21/10/2006

KUALA LUMPUR 20 Okt. - Keprihatinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terhadap keselamatan orang ramai yang pulang ke kampung sempena cuti Dee-

pavali dan Hari Raya Aidilfitri bukan setakat meminta mereka berhati-hati ketika memandu.

Lebih daripada itu, Perdana Menteri

memanjatkan doa ke hadrat Allah s.w.t. memohon keselamatan dan kesejahteraan mereka daripada sebarang bencana ketika dalam perjalanan pulang ke kampung halaman masing-masing.

Berikut ialah doa Perdana Menteri untuk rakyat Malaysia yang pulang ke kampung sempena cuti panjang Hari Raya Aidilfitri:

*"Ya Allah...! Selamatkanlah perjalanan hamba-Mu dalam kenderaan ini; berikanlah perlindungan daripada malapetaka kepada dirinya dan seluruh ahli keluarganya; murahkanlah rezekinya dan Kau tambahkanlah keimanan, kasih sayang dan kebahagiaan kepadanya pada lebaran ini.*

*"Ya Allah...! Hanya kepada-Mu kami sujud dan berserah; limpahkanlah kesejahteraan-Mu kepada rakyat negara ini; tambahkanlah rahmat-Mu kepada seluruh umat Islam; dan dakapilah kami dalam belas ihsan-Mu sentiasa. Amin."*

Doa tersebut terkandung dalam sekeping kad ucapan Selamat Hari Raya yang diedarkan oleh Bahagian Penerangan UMNO kepada orang ramai di beberapa plaza tol di sekitar ibu negara.

Dalam kad tersebut, Perdana Menteri dan keluarganya turut mengambil kesempatan mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri serta memohon maaf, za-

hir dan batin.

Kad yang menunjukkan Perdana Menteri sedang menadah kedua-dua belah tangan memanjatkan doa ke hadrat Allah untuk keselamatan rakyat Malaysia itu berlatarbelakangkan Masjid Putra, Putrajaya.

Ketika diminta mengulas pengedaran kad itu, Radzi yang juga Setiausaha Agung UMNO berkata, ia merupakan tanda keprihatinan Perdana Menteri tentang keselamatan rakyat negara ini.

"Kita mengedarkan berpuluh ribu kad tersebut dengan harapan kalau orang ramai membacanya dan mengambil iktibar daripadanya, mereka akan berhati-hati ketika memandu," katanya.

Semalam, Abdullah yang kecewa dan marah dengan jumlah kematian tinggi pada hari pertama Ops Sikap XI mahu mahkamah mempercepatkan proses pembicaraan dan menjatuhkan hukuman terhadap pemandu yang menyebabkan kemalangan jalan raya.

Menurut Perdana Menteri, cara itu mampu menyedarkan para pemandu terbabit mengenai kesalahan mereka kerana sekiranya hukuman dilambat-lambatkan, ia tidak akan memberikan kesan terhadap mereka, sebaliknya membanjutkan usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan.